

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**[SIBUTI]**  
**TARIKH : 08 MAC 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan beberapa jumlah kes pesakit strok dilaporkan di seluruh Malaysia sejak 5 tahun lepas dan apakah langkah Kementerian bagi mengurangkan gejala serangan strok.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bilangan discaj pesakit akibat strok di hospital-hospital kerajaan sejak lima (5) tahun lepas ialah 17,009 (2010), 18,788 (2011), 11,742 (2012), 15,102 (2013) dan 16,686 (2014).

Risiko mendapat strok meningkat dikalangan pesakit diabetes, jantung dan tekanan darah tinggi. Selain itu, risiko strok juga tinggi dikalangan orang yang obes, mempunyai paras kolesterol darah yang tinggi, merokok, tidak aktif secara fizikal dan menggunakan alkohol berlebihan.

KKM menjalankan pelbagai aktiviti promosi, pencegahan dan kawalan bagi mengurangkan risiko yang merangkumi faktor-faktor risiko dan NCD utama termasuk strok. Promosi berkaitan pendidikan kesihatan awam menerusi siaran iklan di televisyen, radio, majalah, suratkhbar dan media sosial memfokuskan mesej penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, darah tinggi dan obesiti serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diamalkan.

Faktor pemakanan yang seimbang amat penting dalam menentukan tahap kesihatan individu. Program pemakanan sihat menekankan pengambilan makanan seimbang mengikut keperluan harian individu dengan cara melebihkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan disamping mengurangkan pengambilan garam, lemak dan gula berlebihan boleh mencegah NCD termasuklah strok.

Strategi Pengurangan Garam yang merangkumi pemantauan, promosi kesedaran bahaya pengambilan garam secara berlebihan dan reformulasi produk kurang garam telah dihasilkan bagi menyokong usaha pencegahan dan pengawalan NCD. Ini kerana pengambilan garam berlebihan berkait rapat dengan penyakit hipertensi yang menyumbang kepada serangan strok.

Aktiviti pendidikan kesihatan di peringkat komuniti diperhebatkan dengan pelaksanaan aktiviti "Kem I Want" di semua daerah di seluruh negara sejak tahun 2014. Selain itu, KKM turut melaksanakan program Berjalan 10,000 Langkah serentak di seluruh negara menerusi program Gegar 10,000 Langkah Merdeka setiap tahun, disamping penyediaan trek dan aktiviti yang sama di lokaliti-lokaliti KOSPEN. Kini aktiviti berjalan 10,000

langkah semakin popular dalam kalangan masyarakat sebagai satu bentuk aktiviti fizikal yang mudah dan berfaedah kepada kesihatan.

Promosi melalui saluran media sosial seperti facebook dan twitter NAK SIHAT juga turut diaplikasikan dalam mendidik dan menggalakkan masyarakat mengamalkan aktiviti fizikal.

Namun begitu langkah pencegahan yang lebih penting bukan hanya daripada pihak kerajaan, tetapi juga pihak swasta, NGO, badan profesional, komuniti dan juga individu itu sendiri dalam menangani NCD. Beberapa pendekatan dan strategi yang efisien dan agresif digunapakai menerusi pendidikan kesihatan awam (*public education*) dan modifikasi cara hidup (*lifestyle modification*) dengan memantapkan dan mengukuhkan aktiviti di peringkat komuniti.

Program KOSPEN (“Komuniti Sihat, Perkasa Negara”) umpamanya adalah merupakan satu inisiatif kolaborasi pelbagai agensi kerajaan, iaitu antara KEMAS dan Rukun Tetangga (Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memperkasa rakyat Malaysia dalam penjagaan kesihatan sendiri. Melalui KOSPEN, Sukarelawan di kalangan ahli komuniti akan dilatih menjelang tahun 2016 sebagai *agent of change* bagi saringan dan intervensi faktor risiko penyakit NCD. KOSPEN juga akan diperluaskan ke tempat-tempat kerja yang berpotensi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan.

Kajian saintifik menunjukkan bahawa impak dari intervensi-intervensi yang berkesan hanya boleh dilihat selepas 10 hingga 20 tahun. Namun begitu, Kerajaan adalah komited untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dan mengurangkan pendedahan kepada faktor risiko penyakit NCD.